


# Bolehkah Chin Peng Dimaafkan?



Dari kiri Rashid Maidin, Chin Peng dan Chen Tien semasa Rundingan Baling 1957.

Gerila komunis menderita. Kerajaan dan anggota pasukan keselamatan juga sama menderita. Perdamaian telah diraih tetapi dendam lama masih membara

Oleh ALI MAHMOOD

**B**AGI generasi muda, nama pemimpin tertinggi Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng mungkin sudah dilupakan. Walaupun gerakan PKM menentang kerajaan dipelajari dalam subjek sejarah di sekolah-sekolah tetapi nama itu seolah-olah hilang ditelan waktu.

Chin Peng yang kini berusia 78 tahun sebenarnya mempunyai kelebihan yang tersendiri. Dalam usia emas, pemimpin PKM itu masih mampu hidup sihat walaupun dalam sebahagian besar hayatnya dia menjadi buruan pasukan keselamatan British dan Malaysia.

Dia kini menghabiskan sisa-sisa hidupnya di sebuah perkampungan di Yala, selatan Thailand setelah beliau dan rakan-rakan seperjuangan seperti Abdullah C.D. dan Rashid Maidin meletakkan senjata dan mengakhiri perjuangan komunis. Chin Peng dan rakan-rakannya meletak senjata menerusi satu perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia yang

ditandatangani di Hatyai pada tahun 1989.

Walaupun perjuangan PKM sudah berakhir tetapi mengikut perjanjian itu pemimpin-pemimpin tertinggi PKM tidak dibenarkan pulang ke tanah air. Mereka diberikan sebuah kawasan kediaman oleh kerajaan Thailand untuk meneruskan sisa-sisa hidup mereka.

Perkampungan itu yang terletak di selatan Thailand sebenarnya adalah pangkalan terakhir PKM setelah mereka melarikan diri daripada buruan pihak keselamatan Malaysia sekitar tahun 1970-an.

Setelah menyepi selama 15 tahun, baru-baru ini nama Chin Peng kembali menggegarkan negara. Dalam memoirnya yang berjudul *Chin Peng: My Side Of History*, dia menyatakan keinginan untuk kembali ke Malaysia. Buku itu dikarang dengan bantuan wartawan British Ian Ward dan isterinya Norma Mirafleur, hasil temu bual mereka dengan Chin Peng.

Chin Peng memberitahu Ward, seorang koresponden *The Daily Telegraph* yang berpejabat di Singapura bahawa

pendiriannya terhadap fahaman sosialis tidak pernah berubah walaupun dia telah meletakkan senjata hampir 15 tahun yang lalu.

Hasrat bekas Setiausaha Agung PKM itu untuk kembali disokong oleh Pengerusi DAP, Lim Kit Siang. Kit Siang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membenarkan Chin Peng kembali ke tanah air sebelum persarannya pada penghujung Oktober ini.

Hasrat Chin Peng itu menjadi isu yang cukup menarik. Terdapat pro dan kontra yang ketara. Banyak pihak menentang cita-cita terakhir Chin Peng untuk mengakhiri riwayat hidupnya di Malaysia.

Selain menerusi buku tersebut, hasrat bekas pemimpin tertinggi PKM itu untuk kembali ke tanah air telah disampaikan oleh pihak ketiga kepada kerajaan. Bagaimanapun Chin Peng yang dilahirkan pada tahun 1925 dan berasal dari Sitiawan, Perak belum mendapat 'lampu hijau' daripada kerajaan atas beberapa sebab tertentu.

Terdapat bantahan hebat daripada beberapa persatuan terutamanya Persatuan Bekas Perajurit (PBPM) dan Persatuan Bekas Polis (PBP). Bagi kedua-dua persatuan itu, kepulangan pemimpin PKM tersebut tentunya akan menghiris perasaan bekas-bekas anggota pasukan keselamatan dan ahli keluarga mereka yang hidup



**Barisan gerila komunis ketika zaman kemuncak pemberontakan mereka.**

menderita angkara gerakan komunis suatu ketika dahulu.

Menerusi Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerajaan tidak memberikan kebenaran kepada Chin Peng untuk pulang. Antara alasan yang diberikan ialah untuk menjaga perasaan bekas-bekas tentera dan polis serta ahli keluarga mereka.

Bagaimanapun ada sesetengah pihak berpendapat Chin Peng wajar dibenarkan pulang memandangkan usianya yang lanjut. Yang lebih penting ialah dia tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Bekas Ketua Pengarang akhbar Utusan Melayu, Said Zahari yang merupakan seorang sosialis ketika mengulas isu hasrat kepulauan Chin Peng berpendapat pemimpin PKM itu seharusnya diberikan peluang untuk melawat ahli keluarganya.

Jika dia ingin mengakhiri riwayat hidup di tanah air kelahirannya, dia patut dibenarkan.

Bagaimanapun Said, 75, percaya kerajaan sudah membuat pertimbangan sewajarnya untuk tidak membenarkan Chin Peng pulang pada waktu ini. Katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menolak sama sekali hasrat Chin Peng itu.

"Bagi saya Pak Lah bukan menolak sama sekali hasrat Chin Peng itu tetapi mungkin waktunya belum sampai lagi. Saya faham pada waktu yang sama kerajaan juga perlu mengambil kira pandangan PBBM dan PBP kerana bekas-bekas pasukan keselamatan ini adalah antara pihak yang banyak menderita sewaktu menentang komunis. Pintu Chin Peng untuk pulang belum tertutup.

"Namun sebagai orang Islam sejati kita sepatutnya mempunyai perasaan pemaaf. Memanglah kalau kita ambil kira kesan penentangan komunis, sukar untuk kita memaafkan Chin Peng dan rakan-rakannya yang lain seperti Rashid Maidin dan Abdullah C.D.," kata Said.

Namun katanya, bekas-bekas perajurit dan polis perlu melapangkan dada dan berfikir terbuka. Perang terhadap komunis telah lama berakhir, kata Said. Jika Nabi Muhammad s.a.w. sanggup memaafkan musuh-musuhnya termasuk



**Chin Peng**

orang-orang Yahudi yang ingin membunuhnya, bekas-bekas polis dan tentera patut mengambil contoh sikap nabi.

Dengan mengambil sikap pemaaf terutamanya terhadap musuh-musuh yang sangat dibenci, itu akan mengangkat martabat orang Islam dan mereka akan lebih dihormati. Lagipun kata Said, Chin Peng bukan lagi menjadi ancaman keselamatan negara.

Chin Peng pada dasarnya kini menyedari pertubuhannya kini tidak lagi relevan kerana kerajaan yang dipilih oleh rakyat berjaya membawa kemakmuran dan kesejahteraan. Pembangunan Malaysia diakui oleh Chin Peng walaupun dia masih tebal dengan fahaman sosialisnya.

Said sendiri yang pernah menjadi tahanan tanpa bicara pemerintah Singapura selama 17 tahun berkata dia sendiri memaafkan orang yang menangkap dan menyumbatnya ke dalam penjara iaitu Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

"Saya cukup menderita selama 17 tahun meringkuk dalam penjara tanpa sebarang percabaran dan terpisah daripada keluarga tetapi setelah bebas saya

tidak berendam dengan sesiapa termasuk dengan Kuan Yew.

"Apabila kita menjadi pemaaf terutamanya kepada musuh-musuh kita yang tidak lagi menentang kita, jiwa kita akan tenang, tenteram dan menjadikan kita lebih insaf. Saya percaya dalam usia yang cukup tua Chin Peng tidak lagi berminat menentang kerajaan kerana dia sudah meletak senjata dan membubarkan PKM," ujar Said.

Berdasarkan semangat perjanjian antara PKM dan kerajaan Malaysia yang ditandatangani di Hatyai pada 1989, Chin Peng sewajarnya dibenarkan pulang. Jika Abdullah C.D. dan Rashid Maidin dibenarkan melawat saudara mereka di Perak sewaktu singgah dalam perjalanan untuk mengerjakan haji beberapa tahun lalu, kenapa Chin Peng tidak boleh dibiarkan pulang.

Setidak-tidaknya dia dibenarkan pulang hanya untuk seketika melawat saudara-mara dan melihat sendiri pembangunan negara ini yang dihasilkan menerusi kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Malaysia sendiri.


Rakyat Malaysia yang beragama Islam terutamanya anggota pasukan keselamatan sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang sudah bersara tidak perlu takut pada ideologi komunis. "Percayalah," kata Said. "Orang-orang Melayu yang mempunyai iman yang kuat dan berpegang teguh dengan ajaran Islam tidak perlu takut dengan komunis."

Fahaman komunis tidak akan mengugat Islam. Sebaliknya, fahaman itu sedang menuju ke arah kehancuran. Rusia dan beberapa buah negara blok komunis di Eropah Timur kini telah tumbang. China pula menyedari fahaman komunis tidak lagi relevan dan kini perlahan-lahan membuka pintunya kepada dunia luar dan mula menerima pasaran bebas.

"Dari segi hubungan luar, Malaysia telah lama menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara komunis seperti China, Rusia, Cuba dan beberapa buah negara lagi sejak tahun 1970-an lagi di bawah kepimpinan bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Oleh itu nasihat saya kepada bekas-bekas tentera dan polis, marilah kita sama-sama lapang dada dan menjadi orang yang pemaaf. Jika kita melihat sesuatu dari sudut sejarah, kebencian itu tidak akan berakhir," tambah Said.

Sejarah perlu dijadikan pengajaran dan teladan supaya ia tidak berulang lagi. Daripada sejarah manusia belajar tentang kesilapan supaya tidak mengulanginya lagi di masa depan. Jika Jerman, Jepun dan Itali yang pernah bermusuh dengan Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah dan Asia kini boleh menjalinkan hubungan diplomatik dan memajukan negara masing-masing, kenapa rakyat



**Gambar kem dan terowong gerila komunis di selatan Thailand.**

Malaysia tidak boleh mengambil sikap yang sama. Kali ini terhadap Chin Peng, katanya.

Menurut satu sumber yang turut menyokong pandangan Said itu, terdapat kira-kira 340 bekas komunis yang telah pulang ke tanah air selepas Perjanjian Damai Hatyai 1989. Daripada jumlah itu terdapat lebih kurang 20 bekas gerila komunis Melayu.

"Ramai juga yang tidak pulang kerana mereka telah tua. Mereka ingin menghabiskan usia tua mereka di perkampungan di selatan Thai yang dihadiahkan kepada mereka oleh kerajaan Thailand bagi memulakan hidup baru.

"Kebanyakan orang Melayu yang memasuki perjuangan komunis berasal dari Bentong, Pahang dan Johor yang terdiri daripada ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKPM) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Mereka tidak mahu pulang kerana tidak ingin menyusahkan keluarga mereka yang juga hidup susah. Ada yang takut ahli keluarga tidak mahu menerima keputungan mereka kerana ideologi komunis itu," katanya.

Beliau turut meminta persatuan bekas polis dan tentera secara terbuka menerima keputungan Chin Peng dan bekas-bekas gerila lain yang ingin pulang ke tanah air. Katanya, jika PBPM dan PBP masih mendendami komunis kerana penderitaan dan sengsara yang terpaksa ditanggung akibat memburu komunis, anggota-anggota komunis juga merasai penderitaan yang sama.

Jumlah gerila komunis yang terbunuh lebih ramai jika dibandingkan dengan anggota pasukan keselamatan. Penderitaan di kedua-dua belah pihak adalah kesan daripada peperangan. Tidak sewajarnya kesan itu terus menjadi dendam kerana kedua-dua pihak telah berdamai.

Bagi bekas anggota pasukan keselamatan, kesan dan penderitaan akibat menentang komunis akan terus diingati sebagai satu titik hitam yang sukar dilupakan.

Walaupun kerajaan telah mencapai perdamaian dengan ahli-ahli PKM pada tahun 1989, itu bukan bermakna semudah itu bekas anggota polis dan tentera

serta ahli keluarga mereka menerima keputungan bekas-bekas pemimpin tertinggi PKM seperti Chin Peng, Abdullah C.D. dan Rashid Maidin.

Bak kata pepatah 'luka sudah sembuh tetapi parut tidak hilang'. Berdasarkan pepatah itu, Presiden Persatuan Bekas Polis, Senator Datuk Mansor Md. Jaafar memberitahu, sukar bagi polis dan tentera untuk menerima keputungan pemimpin-pemimpin tertinggi komunis secara terbuka.

"Orang tidak berasa pengalaman perit dan penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh pasukan keselamatan. Mereka mungkin mudah menerima dan memaafkan pemimpin-pemimpin PKM itu.

"Tetapi tidak kami. Pasukan polis dan tentera bukan sahaja terpaksa meninggalkan ahli keluarga untuk masuk ke hutan memburu komunis tetapi ramai rakyat tidak berdosa turut menderita terpaksa membuat catuan makanan dan beras bagi melapik perut," ujar Mansor.

Keputungan Chin Peng, katanya, pasti akan membawa ingatan lama kerana lebih kurang 1,300 anggota polis terbu-

nuh sewaktu memburu komunis di hutan. Ada isteri yang kehilangan suami, ibu kehilangan anak dan anak-anak kehilangan ayah. Jumlah itu belum termasuk jumlah anggota yang cedera, kehilangan anggota badan, buta dan sebagainya lagi.

Kesemua faktor itu, kata Mansor, perlu diambil kira. Tegasnya, jika Chin Peng dibenarkan pulang ahli-ahli PBP yang terdiri daripada 85,000 orang akan bangun membantah.

Menurut Mansor lagi, jika PKM hanya menentang penjajah kenapakah mereka terus menentang kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

“Perjuangan PKM sebenarnya cukup jelas iaitu bercita-cita untuk mengguling kerajaan secara kekerasan dan menubuhkan kerajaan komunis. Jika kerajaan tidak mahu melukakan bekas polis dan tentera serta ahli keluarga mereka, lebih baik kita melupakan niat untuk membenarkan Chin Peng pulang.

Sekiranya ingin pulang juga, Chin Peng perlu dihadapkan ke mahkamah terlebih dahulu atas jenayah yang telah dilakukan terhadap rakyat Malaysia. Katanya, Chin Peng ingin berdamai kerana komunis sedar perjuangan mereka tidak lagi relevan dan rakyat telah menolak ideologi komunis.

Malah jika Chin Peng ikhlas menyedari kesilapan perjuangannya dia sepatutnya secara terbuka menyatakan persetujuannya untuk dibicarakan. Walaupun komunis adalah satu ideologi tetapi keganasan dan jenayah yang telah mereka lakukan adalah satu tanggungjawab yang perlu mereka pikul.

Mansor yang sudah pun membaca buku *Chin Peng: My Side of History* masih lagi meragui keikhlasan Setiausaha Agung PKM itu. Malah beliau bimbang jika Chin Peng dibenarkan pulang ada pihak akan menyanjungnya sebagai hero.

Walaupun mengikut perjanjian Damai Hatyai 1989 kerajaan dan PKM berdamai dan PKM meletak senjata tetapi perjanjian itu bersyarat. Pemimpin-pemimpin tertinggi PKM tidak dibenarkan pulang ke tanah air kerana kesalahan yang mereka lakukan.

Mengikut perjanjian itu lagi, pemimpin-pemimpin tertinggi PKM itu tidak mendapat proses pengampunan daripada kerajaan. Oleh itu Chin Peng tidak boleh dibenarkan pulang kecuali mendapat pengampunan daripada kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong.

“Jika Chin Peng dan rakan-rakannya mendapatkan pengampunan kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong ahli-ahli PBP mungkin boleh menerima kepulangan Chin Peng dan rakan-rakannya.” □